

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3) dan 5))

PERINTAH DARURAT (PERBEKALAN TAMBAHAN) (1999) (BIL. 2), 1999

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan satu Pemasyhuran Darurat bertarikh 27 haribulan Jun, 1998 telah mengisytiharkan satu keadaan darurat dalam seluruh Negara;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraiian (3) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila satu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran itu masih berkuatkuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bolehlah membuat sebarang Perintah yang Baginda fikirkan perlu bagi kepentingan awam;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraiian (5) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa kuasa-kuasa tersebut akan termasuk kuasa membuat peruntukan kewangan yang boleh jadi diperlukan sepanjang tempoh darurat termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang tiga ribu, lima ratus sembilan puluh enam juta, satu ratus lapan puluh tujuh ribu dan tiga ratus lapan puluh ringgit (\$3,596,187,380.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Darurat (Perbekalan) (1999), 1998;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang tiga ratus enam puluh lima juta, tujuh ratus tujuh puluh tujuh ribu dan enam ratus tujuh puluh ringgit (\$365,777,670.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Darurat (Perbekalan Tambahan) (1999) (Bil. 1), 1999;

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak dua puluh empat juta, lima ratus dua belas ribu, lapan puluh tiga ringgit dan empat puluh satu sen (\$24,512,083.41);

SEKARANG, DARI ITU, dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh ceraiian-ceraiian (3) dan (5) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membuat Perintah seperti berikut —

1. Perintah ini bolehlah digelar sebagai Perintah Darurat Gelaran.
(Perbekalan Tambahan) (1999) (Bil. 2), 1999.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Perbelanjaan Tambahan bagi Tahun 1999.	2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi dua puluh empat juta, lima ratus dua belas ribu, lapan puluh tiga ringgit dan empat puluh satu sen (\$24,512,083.41) daripada Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan perkhidmatan yang ditentukan dalam Jadual untuk tahun 1999 yang tidak diperuntukkan atau tidak sepenuhnya diperuntukkan oleh Perintah Darurat (Perbekalan) (1999), 1998 dan Perintah Darurat (Perbekalan Tambahan) (1999) (Bil. 1), 1999 adalah dengan ini dibenarkan.
Memperuntukkan.	(2) Wang tersebut adalah diperuntukkan bagi tujuan-tujuan seperti yang dinyatakan dalam Jadual.
Penggantian jumlah wang yang didahulukan dari Kumpulanwang Gagasan.	(3) Penggantian jumlah wang yang ditunjukkan dalam ruang ketiga bagi jumlah wang yang ditunjukkan dalam ruang keempat dari Jadual ialah jumlah-jumlah wang didahulukan dari Kumpulanwang Gagasan yang diadakan di bawah cerai (1) bab 10 dari Perintah Perlembagaan (Peraturan Kewangan), 1959 adalah dengan ini dibenarkan.

JADUAL

(1)	(2)	(3)	(4)
Tajuk	Gelaran	Jumlah Yang Diperuntukkan Kepada Tajuk	Penggantian Pendahuluan Dari Kumpulanwang Gagasan
		\$	\$
	KEMENTERIAN KEWANGAN		
S.D1	Jabatan Kementerian Kewangan	2,500,000.00	2,500,000.00
S.D52	Perkhidmatan Rampaian	10,712,284.00	10,712,284.00
	KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI		
S.E3	Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria	191,647.00	191,647.00

JADUAL (Sambungan)

(1)	(2)	(3)	(4)
Tajuk	Gelaran	Jumlah Yang Diperuntukkan Kepada Tajuk	Penggantian Pendahuluan Dari Kumpulanwang Gagasan
		\$	\$
	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN		
S.L3	Belia dan Sukan	2,378,600.00	2,378,600.00
	KEMENTERIAN PERHUBUNGAN		
S.N7	Telekom	8,729,552.41	8,729,552.41
		<u>\$24,512,083.41</u>	<u>\$24,512,083.41</u>

Diperbuat pada hari ini 25 haribulan Jamadilawal, 1420 Hijrah bersamaan dengan 6 haribulan September, 1999 Masihi, di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM